

B U L E T I N

S U A R A P E R S A T U A N P E S A R A U K M . N O . P E N D A F T A R A N 2 2 9 1 - 1 0 - S E L . B i l : 2 S e p t e m b e r 2 0 1 1

PENGARANG

Ulang Tahun Pertama Persatuan Pesara UKM

Persatuan Pesara UKM akan genap usianya setahun pada 22 September 2011, setelah diluluskan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia pada 22 September 2010. Sempena sambutan Hari Raya Edilfitri 1432H yang diadakan pada 9 Sept.2011 (hari ini) Persatuan dengan rasa rendah diri menadah tangan dan melafazkan kesyukuran kepada Illahi

ng telah memberi rahmat, keberkatan, rezki, kesihatan dan umur panjang kepada kita semua, *Amin yarabilalamin.*

Persatuan akan melaksanakan majlis ringkas bagi memperingati ulang tahun itu dalam majlis sambutan hariraya.

Sambutan Hari Raya Edilfitri 1432H

Semua AJK Persatuan mengucapkan **SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA EDILFITRI** 1432H kepada semua ahli Persatuan dan Warga UKM dan seluruh umat Islam. Kami dahului dengan salam sejahtera dan iringan *Maaf Zahir dan Batin.*

Sambutan Hari Raya diadakan di perkarangan Cabat Persatuan di Blok 1, Wisma Kayu Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor. Semua ahli Persatuan dijemput hadir. Kami menyeru kepada pesara UKM yang masih belum menjadi ahli Persatuan Pesara UKM memberi sokongan padu dan menanam minat untuk menyertai Persatuan semuga perpaduan dan silaturrahim antara kita berpanjangan.

Hubungi kami:

Hj. Baharuddin - 0126429798
En. Abd Rahman - 0192775088
Hj. Sabardin - 0192456823
En. Khalis - 0122206812

Sidang Pengaran menjemput ahli-ahli Persatuan dan Pesara UKM untuk menyumbang berita/cerita/maklumat untuk dimuatkan dalam Buletin. Sila kirim melalui SMS/email HP012-2206812/halisalee@yahoo.com

JADILAH AHLI PERSATUAN!

- 1) Ahli biasa
- 2) Ahli seumur hidup

Bayaran Masuk dan Yuran Tahunan

	Masuk	Tahunan
Ahli Biasa	RM3.00	RM12.00
Ahli Seumur hidup	RM3.00	RM100.00 sekali sj.

BERITA DAN MAKLUMAN

Ceramah Agama

Biro Agama Persatuan telah berjaya menganjurkan satu ceramah agama di Masjid Al-Hassanah Bandar Baru Bangi pada 21 Julai 2011, selepas sembahayang Maghrib. Ceramah atas tajuk "Panduan Fardu Ain dalam Usulludin" telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Mahmood. Kandungan ceramah berkaitan akidah dan iman orang Islam yang kerap diabaikan. Kebanyakan AJK dan ahli Persatuan turut hadir bersama jumaah masjid.

Lawatan Ke Hospital Putrajaya

Pada 22 Julai 2011, jam 4.00 ptg. sekumpulan seramai lima orang AJK Persatuan telah membuat kunjungan dan melawat seorang pesakit/ahli Persatuan En. Salleh Hj. Husein yang telah selamat dan berjaya menjalani pembedahan dibahagian tulang belakang. Beliau yang sentiasa ditemani isteri tersayang kelihatan ceria dan dapat sedikit sebanyak berkongsi pengalaman berkaitan masalah kesihatan pada usia emas dan prosidur pembedahan yang telah beliau lalui. Beliau telah selamat di discaj dari hospital pada tarikh yang sama dengan iringan doa, semoga sejahtera selalu.

**SELAMAT HARI RAYA EDILFITRI,
MAAF ZAHIR DAN BATIN KEPADA SEMUA
AHLI PERSATUAN PESARA UKM,
DARIPADA SIDANG PENGARANG DAN
AJK.**

AHLI JAWATANKUASA PERSATUAN

Ahli Jawatankuasa Persatuan 2011/2012.

Pengerusi:	Hj. Baharuddin Alang Ishak
Tim. Pengerusi:	Prof. Dato Dr. Mohd Wahid Shamsuddin
Setiausaha:	Encik Abd Rahman Madon
Pen. Setiausaha:	Encik Khalis Md Salleh
Bendahari:	Tuan Hj. Sabardin Ahmad
Ahli JK:	Prof. Dato Dr. Mohamad Yahaya Dato' Taip Abu Encik Omar Jaafar Hj Jaafar Ahmad Encik Sabli Ibrahim Hjh. Salmah Kasmani Hjh. Thuraiyen Nadzrah Mohd Ghazali
Pemeriksa Kira-kira:	Encik Shafie Yusof Hjh. Rosenani @ Rusnani A Saman

AHLI DAPATKAN AHLI

Ahli Persatuan yang telah mendaftar sehingga bulan Mac 2011, adalah seramai 120 orang. Bilangan ini adalah sangat kecil jika diambil kira bilangan kakitangan yang telah bersara iaitu kurang lebih 1500 orang. Sebagai langkah menambah bilangan ahli, Jawatankuasa bersetuju mengadakan kempen "Ahli Dapatkan Ahli". Sehubungann dengan itu bersama Buletin ini disertakan surat serta borang permohonan menjadi ahli. Tuan/puan diminta memberi kerjasama untuk mengedarkan surat jemputan /borong permohonan kepada jiran/kawan/ kenalan pesara UKM yang belum lagi menjadi ahli Persatuan. Borang permohonan yang telah lengkap berserta yuran bolehlah dihantar kepada urusetia persatuan melalui ahli-ahli JK Persatuan. Kerjasama tuan/puan sangat kami sanjungi.

Logo Persatuan

Ahli Persatuan dipelawa menghantar rekaan logo yang akan dipilih untuk menjadi logo rasmi Persatuan Pesara UKM. Untuk mendapatkan makluman sila hubungi AJK Persatuan seperti tertera dihalaman hadapan Buletin ini.